

UMS terima pengiktirafan anugerah 'Women in Tech' peringkat global

UB 05.06.2023 P.01

KOTA KINABALU:

Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima pengiktirafan anugerah khas 'Women in Tech' sempena pertandingan 'Huawei ICT Competition Global Final' 2022-2023 baru-baru ini.

Pertandingan yang berlangsung di Shenzhen Bantian Huawei Base China itu turut menyaksikan pasukan UMS yang diwakili peserta dari Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) UMS meraih tempat kedua.

Pensyarah Kanan FKI UMS Dr. Tan Soo Fun berkata, pengiktirafan anugerah khas 'Women in Tech' bertujuan memberi inspirasi kepada peserta



IKTIRAF: Wakil UMS (dari kiri) Lau Liyi, Ng Chi Yan, Soh Hui dan Tan Soo Fun bersama Timbalan Presiden Komunikasi Korporat Huawei Vicky Zhang.

wanita untuk terlibat secara aktif dalam inovasi teknologi.

Pada masa sama

katanya, ia menggalakkan pertumbuhan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

serta mempromosikan keterangkuman sosial.

▶ [Lihat Muka 7](#)

UMS terima pengiktirafan anugerah 'Women in Tech' peringkat global

UB 05.06.2023 P.07

▶ [Dari Muka 1](#)

Menurutnya, pengiktirafan itu juga bagi menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) serta mewujudkan masyarakat yang lebih pelbagai serta inklusif.

Beliau berkata, pertandingan itu diwakili oleh tiga pelajar FKI iaitu Lau Liyi, Ng Chi Yan dan Soh Hui Man.

"Pertandingan yang berakhir pada 27 Mei lalu menyaksikan penyertaan seramai 120,000 pelajar dari lebih 2,000 universiti dan kolej di 74 ne-

gara dan rantau.

"Pencapaian pasukan UMS dalam pertandingan ini diharapkan memberi inspirasi kepada semua pelajar disamping memberi penekanan pentingnya mempromosi kepelbagaian gender dalam bidang teknologi," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, dengan semangat dedikasi para peserta, pasukan UMS tidak hanya membawa pengiktirafan kepada diri mereka sendiri.

Malah katanya, pasukan UMS turut berjaya memacu reputasi universiti dan negara di peringkat arena global ICT.